

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Metro Ahad

TARIKH : Ahad, 17 Disember 2017

M/S : 40

Kuala Lumpur

Melayu perlu kuasai tulisan jawi

Masyarakat negara ini khususnya bangsa Melayu perlu terus menguasai tulisan jawi supaya ia tidak hanya berada dalam kitab kuning di gerobok usang untuk pameran atau simpanan semata-mata.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Datuk Nafisah Ahmad berkata, tulisan Jawi adalah satu skrip penulisan yang indah, mudah dan perlu dikuasai semua sebagai legasi budaya dan warisan masyarakat Malaysia, sekali gus melahirkan masyarakat celik jawi dan al-Quran.

Menurutnya, PNM juga mengambil inisiatif bekerjasama dengan stesen Radio IKIM.fm dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerbitkan Rancangan Klinik Jawi sejak Jun 2012 untuk membangkitkan semula semangat mempelajari dan menggunakan tulisan jawi dalam kehidupan seharian.

"Usaha ini diharap dapat mengubah persepsi masyarakat yang sering sangsi mengenai penyebaran tulisan jawi sebagai alat penyebaran agama Islam kepada seluruh masyarakat.

"Hal ini berlaku kerana kita kurang memberi pendedahan berkaitan tulisan jawi sebagai aksara yang digunakan orang Melayu sejak abad ke-17 yang ketika itu menjadi lingua franca dan pengantara penting dalam semua urusan pentadbiran, adat istiadat, perdagangan dan urusan seharian masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan penutup Kem Klinik Jawi 2017 di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini, semalam.

Kem Klinik Jawi turut memberi pendedahan kepada 200 peserta berumur 17 tahun ke atas.